

# UPM guna pendekatan strategik utamakan pencapaian hasil

**Kuala Lumpur:** Pandangan yang menyifatkan kebanyakan universiti di beberapa negara Islam termasuk Malaysia, seolah-olah sudah 'hilang roh' dalam melahirkan ilmuwan terbilang perlu menjadi peringatan penting kepada universiti serta semua ahli akademik negara ini.

Tidak menafikan sepenuhnya pandangan itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berpendapat ahli akademik dan universiti wajar dihormati pelajar, masyarakat dan semua pemegang taruh.

"Bagaimanapun, perasan hormat bukan datang melalui paksaan atau propaganda, tetapi daripada pandangan dan perasaan ikhlas yang menghargai ilmu serta impak yang diberi oleh seo-



*Keratan akhbar BH, semalam.*

rang ahli akademik dan sebuah universiti," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS), Prof Dr Syed Muhammad Khairudin Al-Junied, dilaporkan berkata kebanyakan universiti di beberapa negara Islam, termasuk Malaysia seolah-olah sudah 'hilang roh' dalam melahirkan ilmuwan terbilang berikutan hasil penyelidikan dan kajian menerusi penulisan yang di-

terbitkan mereka tidak lagi memberi impak kepada masyarakat.

Syed Muhammad Khairudin yang pernah tersenarai di antara 500 individu Islam dunia paling berpengaruh itu, berkata majoriti daripada pengurusan universiti berkenaan tidak lagi tertumpu kepada soal pembangunan dan pendidikan sepenuhnya, sebaliknya tersembunyi agenda berkepentingan peribadi atau kumpulan tertentu.

Mengulas lanjut, Ahmad Farhan berkata, dalam usaha membina rasa hormat semua pemegang taruh, UPM menggunakan pendekatan strategik yang menekankan pencapaian hasil untuk elemen teras yang digariskan.

Ia termasuk memberi pengalaman pembelajaran dan kehidupan yang terbaik, dihargai masyarakat, memperkasa industri,

penyelidikan yang relevan dan berimpak serta perkhidmatan melangkaui jangkauan.

Katanya, komuniti UPM digesa menghayati kenyataan strategik dan berusaha ke arah pencapaian hasilnya supaya pelajar serta masyarakat akan benar-benar menghargai peranan dan impak UPM.

"Dengan cara sebegini, ilmuwan juga akan terhasil dan ilmuwan UPM diharap akan membantu mendidik masyarakat, menyelesaikan masalah masyarakat dan industri serta membantu dalam pemerkasaan komuniti, industri dan negara.

"Justeru, terpulang kepada ahli akademik dan universiti untuk mencorak kerelevanan universiti kepada masa hadapan masyarakat, negara, tamadun manusia dan dunia," katanya.

**“Komuniti UPM digesa hayati kenyataan strategik dan berusaha ke arah pencapaian hasilnya supaya pelajar serta masyarakat akan benar-benar menghargai peranan dan impak UPM”**

**Ahmad Farhan Mohd Sadullah,**  
Naib Canselor UPM

